



## Pemikiran Imam al-Bukhārī tentang Hutang: Analisis Hadith-hadith dalam Kitāb al-Istiqrād wa Adā' al-Duyūn wa al-Hajr wa al-Taflīs Sahih al-Bukhārī

Nik Mohd Zaim Ab Rahim<sup>1</sup>

Ishak Suliaman<sup>2</sup>

Mohd Bakhit Ali<sup>3</sup>

### ABSTRAK

*Imam al-Bukhari adalah satu nama besar dalam bidang hadith. Penulisan berkaitan pemikiran beliau dalam bidang hadith ditelusuri dalam artikel ini dengan menfokuskan kepada tema hutang. Dengan meneliti fiqh al-hadith dalam Kitab al-Istiqrād wa Ada' al-Duyūn wa al-Hajr wa al-Taflīs yang merupakan salah satu kitab bertemakan muamalah dalam Sahih al-Bukhari, memperlihatkan ketajaman pemikiran beliau terhadap sesuatu tema. Kajian ini menggunakan metode kajian kepustakaan dan analisis dokumen bagi memperoleh data-data yang berkaitan tajuk. Manakala metode induktif dan deduktif diaplikasi bagi menganalisis data. Hasil dapatan antara lain menunjukkan bahawa Imam al-Bukhari mampu menjelaskan konsep hutang secara sistematis menerusi pewujudan subtema dan setiap subtema itu ada kesejajaran antara satu sama lain seperti pelunasan hutang, muflis dan pembekuan harta. Kesemua perkara ini dikemukakan dalam susunan yang sangat jelas melalui judul-judul bab dalam Tarjamah Bāb. Tegasnya, pemikiran fiqh al-hadith Imam al-Bukhari adalah agak sistematis dan mudah difahami serta menyerlahkan keunggulan beliau sebagai ulama mujtahid pada zamannya.*

**Kata kunci:** pemikiran, imam al-Bukhari, fiqh al-hadith, hutang

### PENGENALAN

Imam al-Bukhārī merupakan salah seorang ilmuwan yang terkenal dalam bidang hadith. Beliau telah menghasilkan banyak karya dalam pelbagai bidang termasuklah bidang Hadith, Tārīkh, Qirā'at dan sebagainya. Antara karya yang paling masyhur adalah Sahīh al-Bukhārī atau judul penuh yang diberikan “Al-Jāmi’ al-Sahīh al-Musnad min Hadīth Rasulillāh sallallāhu ‘alaihi wa sallām wa Sunanīhi wa Ayyāmīhi”.

<sup>1</sup> Pensyarah di Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur.

<sup>2</sup> Profesor Madya di Jabatan Al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM)

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

Sahīh al-Bukhārī merupakan sebuah karya hadith yang unggul dengan hanya mengumpulkan hadith-hadith sahīh sahaja. Walaupun terdapat karya hadith lain yang turut memuatkan hadith-hadith sahīh, namun Imam al-Bukhārī berjaya memilih hadith-hadith yang paling sahīh kedudukannya. Hal ini adalah kerana Imam al-Bukhari tidak akan memasukkan sesebuah hadith melainkan setelah mengerjakan solat sunat dua rakaat untuk memohon petunjuk daripada Allah SWT.<sup>4</sup> Beliau telah menetapkan syarat-syarat yang ketat dalam mengumpul, menyaring dan menerima sesuatu riwayat untuk diletakkan di dalam Sahīh al-Bukhārī.

Karya Sahīh al-Bukhārī bukan sahaja terkenal sebagai kitab hadith, bahkan juga terkenal sebagai kitab yang mengandungi permasalahan fiqh. Hal ini boleh dilihat berdasarkan kepada penetapan dan penyusunan hadith melalui tajuk utama (*Kitāb*) dan bab-bab yang terkandung di dalam tajuk utama yang dikenali sebagai *Tarjamah Bāb*. Contohnya fiqh berkaitan dengan hutang dapat dilihat daripada bab yang disusun di bawah *Kitāb al-Istiqrād* (Pinjaman).

Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk meneliti pemikiran Imam al-Bukhārī dan merungkai permasalahan fiqh berkaitan hutang berdasarkan *Kitāb al-Istiqrād wa Adā' al-Duyūn wa al-Hajr wa al-Taflīs* yang terdapat di dalam Sahih al-Bukhārī. Penulis akan menganalisis hadith-hadith yang dipilih oleh Imam al-Bukhārī ini dengan merujuk kepada beberapa karya syarah Sahīh al-Bukhārī dan di antaranya ialah *Fath al-Bārī* oleh Ibn Hajar al-'Asqalani, *Sharh Sahīh al-Bukhārī* oleh Ibn al-Batthāl, *'Umdah al-Qāri* oleh al-'Aini dan lain-lain.

## BIOGRAFI IMAM AL-BUKHĀRĪ

### Riwayat Hidup

Nama sebenar Imam al-Bukhārī ialah Abū 'Abdullāh Muhammad bin Ismā'il bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah bin Bardizbah.<sup>5</sup> Selain itu beliau juga dikenali sebagai Syeikhul Islam dan Imam al-Huffaz. Gelaran al-Bukhārī diambil daripada tempat asal kelahiran beliau iaitu Bukhara. Pada zaman al-Bukhārī, Bukhara berada di bawah kepimpinan Daulah Islamiyyah. Kini Bukhara terletak dalam kawasan Uzbekistan.

Imam al-Bukhārī dilahirkan selepas solat Jumaat pada tanggal 13 Syawal tahun 194H.<sup>6</sup> Tarikh lahir beliau ini didapati daripada tulisan tangan ayahnya sendiri. Bapa Imam al-Bukhārī iaitu Isma'il merupakan ahli hadith yang mencapai darjah thiqah (diperdayai) dan pernah berguru dengan Hammad bin Yazid, al-Iraqi dan Imam Malik. Namun Isma'il telah meninggal dunia ketika anaknya Imam al-Bukhārī masih kecil dan Imam al-Bukhārī telah dibesarkan dan mendapat pendidikan awalnya daripada ibu beliau.<sup>7</sup>

Imam al-Bukhārī mula mendengar hadith sejak tahun 205H lagi iaitu ketika umur beliau seawal sebelas tahun, bahkan sebelum itu beliau telah menghafal penulisan Ibn al-Mubarak pada umurnya baru mencecah 10 tahun.<sup>8</sup> Imam al-Bukhārī pada zamannya bukan sahaja

<sup>4</sup> Nasīr al-Dīn Ahmad bin Muhammad, *al-Mutawāri 'alā Tarājim Abwāb al-Bukhārī*. Edt. Salah al-Din Maqbul Ahmad (Kuwait, Maktabah al-Ma'la, 1987), 8.

<sup>5</sup> Shams al-Din Abu Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman bin Qaymaz al-Dhahabi. *Siyar A'lām al-Nubala'*, ditahqiq oleh Shu'ab al-Arna'ut, (Beirut, Cet. 3, Mu'asassah al-Risalah, 1985), 12: 391. Alī Juma'ah, *Al-Imām al-Bukhārī wa Jamī'u hu al-Sahīh*. (Mesir, Dār al-Farūq li al-Istithmār Thaqāfiyah, 2006), 9.

<sup>6</sup> Alī Juma'ah, *Al-Imām al-Bukhārī wa Jamī'u hu al-Sahīh*. (Mesir, Dār al-Farūq li al-Istithmār Thaqāfiyah, 2006), 9.

<sup>7</sup> Shams al-Din Abu Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman bin Qaymaz al-Dhahabi. (*Siyar A'lām al-Nubala'*, 1985), 12: 80.

<sup>8</sup> *Ibid*, 12: 393.

merupakan jaguh dalam bidang hadith, bahkan beliau juga pakar dalam bidang fiqh. Oleh itu tidak hairan apabila kita melihat tajuk-tajuk dalam *Sahīh al-Bukhārī* disusun mengikut permasalahan fiqh.

Ulama agung ini telah menghembuskan nafas terakhirnya pada hari Sabtu, malam Hari Raya Aidilfitri 256H. Beliau ketika itu berumur 62 tahun dan jenazahnya telah dikebumikan selepas solat Zuhur.<sup>9</sup>

### Pujian Ulama Terhadap Imam al-Bukhārī

Kehebatan Imam al-Bukhārī dalam bidang hadith tidak dapat dinafikan apabila beliau menerima pujian daripada ramai ulama yang pelbagai latar belakang serta zaman. Antara pujian yang diterima oleh beliau ialah pujian daripada gurunya sendiri iaitu Ishaq bin Rahawayh, katanya: “*Wahai para ulama hadith, lihat dan perhatikanlah pemuda ini (Imam al-Bukhārī) dan tulislah hadith daripadanya. Andainya beliau berada di zaman Hasan bin Abu al-Hasan al-Basri, sungguh ramai yang akan memerlukan dirinya kerana memahami imu hadith dengan baik dan benar.*”

Selain itu, beliau juga mendapat pujian daripada salah seorang gurunya juga iaitu Qutaibah bin Sa’id. Kata beliau tentang Imam al-Bukhārī: “Aku telah mendalamai ilmu hadith, menelusuri pendapat, berteman dengan para ahli fiqh, ahli zuhud dan ahli ibadah. Sejak aku benar-benar matang aku tidak pernah melihat yang sama dengan Muhammad bin Isma’il”.

Di samping itu, Imam Muslim iaitu muridnya juga ada menyatakan pujian terhadap Imam al-Bukhārī: “Aku tidak pernah melihat ulama yang lebih unggul dalam hal sejarah, sanad-sanad hadith di Iraq dan Khurasan melainkan Muhammad bin Isma’il”.

Imam al-Dhahabi juga tidak terkecuali daripada memberi pujian terhadap kehebatan ilmu yang dimiliki oleh Imam al-Bukhārī, katanya: “Imam Abu Abdullah al-Bukhārī pemilik buku *al-Sahih* merupakan seorang imam, hafiz dan mampu menjadi hujah serta pemimpin kepada para ulama hadith dan fiqh. Selain itu, Imam al-Bukhārī juga merupakan seorang mujtahid yang dihiasi dengan sifat warak dan taat dalam beragama.”<sup>10</sup>

Pujian daripada penulis kitab syarah *Sahih al-Bukhārī* iaitu al-Hafiz Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani menjadi bukti yang kukuh mengenai ketokohan Imam al-Bukhārī dalam bidang hadith ini. Kata beliau: “Andai sahaja aku membuka pintu pujian para ulama yang datang setelah Muhammad bin Isma’il atas dirinya, maka seluruh kertas tidak boleh menampungnya untuk ditulis, dialah lautan yang tidak bertepi”.

### Rehlah Ilmu

Sudah menjadi kebiasaan bagi para ulama merantau dan bermusafir demi ilmu. Permusafiran ilmu atau rehlah ilmu ini akan memerlukan pengorbanan baik dari segi masa, harta maupun tenaga. Imam al-Bukhārī antara ulama yang banyak melakukan permusafiran demi ilmu dan antara tujuan utama beliau bermusafir ke merata tempat adalah untuk mendapatkan kesahihan sesebuah hadith Nabi SAW.

Imam al-Bukhārī telah mula menuntut ilmu sejak di Bukhara lagi iaitu tempat beliau dilahirkan.<sup>11</sup> Abu Ja’far Muhammad bin Abu Hatim berkata bahawa beliau pernah bertanya kepada Imam al-Bukhari:<sup>12</sup> “Bagaimana kamu mempelajari ilmu hadith?” Lantas Imam al-Bukhārī menjawab: “Aku mendapat ilham untuk menghafal hadith semasa aku berada

<sup>9</sup> *Ibid*, 12: 398.

<sup>10</sup> *Ibid*, 16: 24.

<sup>11</sup> *Al-Imām al-Bukhārī wa Jamī’uhu al-Sahīh*, 11.

<sup>12</sup> *Ibid*, 10: 86.

di Kuttab ketika itu umur aku sekitar sepuluh tahun atau kurang sedikit. Kemudian, setelah umur aku lebih dari sepuluh tahun aku telah meninggalkan Kuttab dan menghadiri majlis al-Dakhili”.<sup>13</sup>

Perjalanan Imam al-Bukhārī dalam menuntut ilmu hadith bukanlah sesuatu yang mudah, malah Imam al-Bukhārī pernah ditertawakan kerana hanya menghafal dua hadith dalam masa satu hari.<sup>14</sup> Kemudian, ketika umur beliau mencapai enam belas tahun, beliau telah menunaikan haji bersama ibu dan saudara lelakinya. Setelah selesai menunaikan ibadah haji, ibu dan saudara lelaki Imam al-Bukhārī telah pulang namun Imam al-Bukhārī mengambil keputusan untuk menetap di Makkah demi menuntut ilmu.<sup>15</sup>

Selain daripada Makkah dan Madinah, Imam al-Bukhārī juga telah bermusafir pula ke Iraq pada tahun akhir tahun 210H<sup>16</sup> untuk mendapatkan hadith-hadith sahih. Seterusnya beliau bermusafir ke Jazirah untuk tujuan yang sama iaitu memastikan kesahihan hadith-hadith tertentu.<sup>17</sup>

## METODOLOGI PENYUSUNAN SAHĪH AL-BUKHĀRĪ

Imam al-Bukhārī merupakan seorang sarjana hadith yang terkenal dalam kalangan para ilmuwan hadith sejak dahulu sehingga zaman kini. Bersama-sama beliau termasuklah Imām Muslim, Imām Ahmad bin Hanbāl, Imām Abū Dāwud, Imām al-Tirmidhi, Imām al-Nasa’i dan Imām Ibn Mājah. Al-Dihlawi berkata, “Para sarjana ilmuwan hadith pada awal era pembukuan ilmu ulum hadith, mereka menjadikan penulisan dan pembukuan hadith kepada empat corak (فُوْن):

1. *Fann al-Sunnah* (فن السنة) : iaitu dikenali sebagai corak susunan fiqh, contohnya seperti kitab al-Muwatta’ Mālik dan Jāmi’ Sufyān.
2. *Fann al-Tafsir* (فن التفسير) : contohnya seperti kitab Ibn Jarir.
3. *Fann al-Siyar* (فن السير) : contohnya seperti kitab Muhammad Ibn Ishāq.
4. *Fann al-Zuhd wa al-Riqāq* (فن الرهود والرقائق) : contohnya seperti kitab Ibn al-Mubārak

Adapun Imam al-Bukhārī ingin menghimpunkan semua elemen ini di dalam kitabnya. Beliau ingin mengumpulkan hadith-hadith yang dihukumkan sahih oleh para ulama sebelumnya dan pada zamannya, bahkan beliau juga ingin mengumpulkan hadith-hadith yang marfu’ sanadnya. Maka, demikian itu dinamakan kitabnya dengan “*Jāmi’ al-Sahīh al-Musnād*”.<sup>18</sup>

Imam al-Bukhārī mula menulis kitabnya ketika beliau berada di Masjid al-Nabawi, iaitu di antara makam Rasulullah SAW dan mimbarnya. Imam al-Bukhārī mula menyusun urutan perbahasan, bab-bab serta *tarjamahnya*. Setelah itu, beliau melanjutkan dan melengkapkan hadith-hadith sehingga selesai penulisan kitab *Sahīh al-Bukhārī*. Adapun para ulama berbeza pendapat mengenai tempoh beliau menyelesaikan penulisan kitabnya sama ada 14 tahun atau 16 tahun.

Penyusunan hadith yang digunakan oleh Imam al-Bukhārī di dalam kitab sahihnya lebih cenderung kepada susunan fiqh, *istibāt al-ahkām* serta *istidlāl bi al-ahādīth*. Cara ini sama

<sup>13</sup> Al-Dakhili adalah salah seorang guru Imam al-Bukhari.

<sup>14</sup> Muhammad Jamal al-Din al-Qasimi, *Hayah al-Bukhari*. Tahqiq Mahmud al-Arna’ut, (Beirut: Dar al-Nafa’is, 1992), 15.

<sup>15</sup> *Siyar A’lam al-Nubala’*, 12: 393.

<sup>16</sup> *Ibid*, 12: 403.

<sup>17</sup> *Siyar A’lam al-Nubala’*, 12: 407.

<sup>18</sup> Rif’at Fauzi Abd Muttalib, *al-Madkhāl Ilā Manāhij al-Muhaddithīn*, (Kaherah, Dār al-Salām, 2011), 192.

seperti metode yang digunakan oleh Imam Malik di dalam penyusunan kitabnya *al-Muwatta'*, akan tetapi Imam al-Bukhārī menggunakan skala yang lebih luas yang mencakupi pelbagai tema dan bab perbahasan yang cukup terperinci.

Imam al-Bukhārī lebih menggunakan kaedah pemilihan (الإنتقاء), merangkum dan meringkaskan (الاختصار) dengan cara menyaring hadith-hadith yang akan dihimpunkan di dalam kitabnya.<sup>19</sup> Daripada seratus ribu hadith sahih yang beliau hafal,<sup>20</sup> beliau hanya memasukkan 9082 hadith. Oleh itu, hadith sahih yang tidak dihimpun oleh Imam al-Bukhārī lebih banyak kerana Imam al-Bukhārī tidak bermaksud untuk menjadikan kitabnya itu sebagai bentuk ensiklopedia hadith yang menghimpunkan semua hadith sahih.<sup>21</sup> Oleh demikian, kritikan sebahagian ulama terhadap Imam al-Bukhārī yang tidak memasukkan hadith sahih tertentu ke dalam kitabnya adalah kritikan yang tidak tepat.

Kitab Sahīh al-Bukhārī ini disusun mengikut kaedah tersendiri yang sistematik, iaitu pembahagian beberapa judul di mana judul-judul tersebut dikenali sebagai “*Kitab*”. Jumlah kitab yang terdapat di dalam *Jami’ Sahihnya* itu sebanyak 97 Kitab. Setiap Kitab dibahagi pula kepada sub-judul yang dikenali sebagai “*Bab*”. Jumlah keseluruhan bab yang ada di dalam kitab *al-Jami’ al-Sahih* adalah sebanyak 4550 bab, yang dimulakan dengan kitab *Bad’u al-Wahy* dan diakhiri dengan kitab *Tawhid*.

Imam al-Bukhārī meletakkan tema akidah sebagai tema pertama dalam *Sahihnya*, kemudiannya ibadah, muamalah dan seterusnya diakhiri semula dengan tema perkara akidah. Juteru dapatlah disimpulkan bahawa ia seakan menunjukkan pentingnya masalah akidah sebagai pangkal dan hujung permasalahan. Imam al-Bukhārī memulakan kitabnya dengan “*Bab Bad’u al-Wahy*” dan kemudiannya “*Bab al-Imān*” seperti mana kata Dr. ‘Abd al-Majid Mahmud, “Hal ini kerana awal perkara yang dituntut daripada seorang manusia adalah tuntutan iman, dan kewajipan yang perlu dicapai di dalam keimanan adalah unsur keikhlasan. Maka disebabkan itu Imam al-Bukhārī memulakan kitabnya dengan hadith (إِنَّا أَعْمَلَ بِالنِّيَاتِ). Manakala perkara paling awal yang wajib untuk diimani adalah *al-wahy* kerana semua tuntutan untuk beriman dengan apa yang disebut di dalam *Sahihnya* adalah berdasarkan kepada wahyu yang diberikan kepada Nabi Muhammad SAW.”<sup>22</sup>

Sekiranya ditelusuri kitab-kitab hadith lain, seperti Sunan al-Tirmidhi, kita mendapati beliau memilih untuk memulakan kitabnya dengan “*Kitab Tahārah*”, manakala Imam Malik pula di dalam kitabnya *al-Muwatta’* memulakan dengan “*Kitab al-Waqt*”, Imam Ibn Majah pula di dalam kitabnya memulakan dengan “*Ittiba’ al-sunnah*”. Masing-masing mempunyai cara dan metode tersendiri. Imam al-Bukhārī pula memulakan dengan kitab Wahyu, kemudian kitab Iman, kitab Ilmu, sehingga akhirnya. Antara keistimewaan kitab Sahīh al-Bukhārī adalah dapat kita lihat pada setiap kitab itu mempunyai kaitan dan rentetan yang tersirat.

Adapun penyusunan bab di dalam kitab Sahīh al-Bukhārī juga mempunyai kaitan tersendiri pada setiap susunan bab. Maka, susunan bab dan penamaannya itu menunjukkan *istinbat fiqhīyyah* Imam al-Bukhārī yang disusun di dalam kitabnya. Di dalam keterangan bab-bab, juga disebut ayat-ayat al-Quran untuk menjelaskan hubungkaitnya dengan hukum dan

<sup>19</sup> Yāsir al-Shamāli, *al-Wādih fī Manāhij al-Muhaddithīn*, Dār al-Hāmad, (‘Amman, cet. 2, 2006), 48.

<sup>20</sup> Ada sebahagian orang yang tersalah faham terhadap bilangan hadith sahih yang demikian banyak dihafal oleh Imam al-Bukhari kerana seluruh hadith yang terdapat di dalam semua kitab hadith tidak akan mencapai jumlah 100,000 hadith. Menurut al-Iraqi, kemungkinan maksud Imam al-Bukhari adalah keseluruhan hadith yang meliputi hadith yang sanadnya diulang-ulang di dalam pelbagai makna dan variasi pada sanad dan matan serta juga hadith-hadith mawquf.

<sup>21</sup> Sayyid ‘Abd al-Majid al-Ghauri, *al-Wajīz fī Ta’rīf Kutub al-Hadīth*, Dār Ibn Kathīr, (Damsyik, cet.1, 2009), 10.

<sup>22</sup> ‘Abd al-Majid Mahmud, *al-Ittijāhāt al-Fiqhīyyah ‘inda Muḥaddithīn fī Qarn Thalīth*, (Kaherah, Cet. 1, Maktabah al-Khāniji, t.t.), 233-234.

pentafsiran. Imam al-Bukhārī bukan sahaja menumpukan pada himpunan hadith sahaja, bahkan memperkayakan kandungan kitabnya dengan pelajaran-pelajaran fiqh melalui *tarjamah al-abwāb*.<sup>23</sup> Terdapat juga sejumlah hadith dalam Sahīh al-Bukhārī yang tidak dimuatkan di dalam bab. Ada juga sejumlah bab yang berisi banyak hadith. Pada bahagian lain, ada pula bab yang berisi ayat-ayat al-Quran tanpa disertakan bersamanya hadith.

Misalnya hadith yang dikumpul dalam *Kitāb al-Istiqrād wa Adā' al-Duyūn wa al-Hajr wa al-Taflīs*. Imam al-Bukhārī telah memuatkan sebanyak 25 hadith di bawah 20 *tarjamah bab* yang membicarakan tentang hutang. Para ulama dapat mengenalpasti hukum fiqh berdasarkan analisis kepada penetapan judul *tarjamah bab* oleh Imam al-Bukhārī. Penulisan ini juga dianalisis berdasarkan kepada kitab-kitab syarah Sahīh al-Bukhārī dan kitab lain juga.

Berikut adalah hadith-hadith dalam dalam *Kitāb al-Istiqrād wa Adā' al-Duyūn wa al-Hajr wa al-Taflīs* dalam Sahih al-Bukhari:

Jadual 1: Hadith-Hadith dalam *Kitāb al-Istiqrād wa Adā' al-Duyūn wa al-Hajr wa al-Taflīs Dalam Sahih al-Bukhari*

No. Hadith	Bab	Bab	Matan Hadith	Bil.
2385	Bab Man Ishtara bi al-Dayn wa laysa 'indahu thamanuh aw laysa bi hadratih	بَابُ مِنْ اشْتَرَى بِالدِّينِ عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: غَرُوْثٌ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: كَفَيْتَ تَرِي بِعِيرَكَ أَسْبِغْيَهِ؟ فُلِّتْ: نَعَمْ، فَعَنْهُ إِنَّا، فَلَمَّا قَيَّمَ الْمِبْيَةَ، غَدَوْتُ إِلَيْهِ بِالْعِيرِ، فَأَعْطَانِي فَكَاهَةً لَيْسَ بِحَصْرَتِهِ	عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: غَرُوْثٌ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: كَفَيْتَ تَرِي بِعِيرَكَ أَسْبِغْيَهِ؟ فُلِّتْ: نَعَمْ، فَعَنْهُ إِنَّا، فَلَمَّا قَيَّمَ الْمِبْيَةَ، غَدَوْتُ إِلَيْهِ بِالْعِيرِ، فَأَعْطَانِي فَكَاهَةً لَيْسَ بِحَصْرَتِهِ	1.
2386	Bab Man Ishtara bi al-Dayn wa laysa 'indahu thamanuh aw laysa bi hadratih	بَابُ مِنْ اشْتَرَى بِالدِّينِ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: «أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اشْتَرَى طَعَامًا مِنْ يَهُودِيٍّ إِلَى أَجْلٍ، وَرَهَنَهُ دِرْعًا مِنْ حَلِيدٍ» وَلَيْسَ بِحَصْرَتِهِ	عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: «أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اشْتَرَى طَعَامًا مِنْ يَهُودِيٍّ إِلَى أَجْلٍ، وَرَهَنَهُ دِرْعًا مِنْ حَلِيدٍ» وَلَيْسَ بِحَصْرَتِهِ	2.
2387	Bab Man akhadha amwal al-nas yuridu ada'uha aw itlauha	بَابُ مِنْ أَخْذِ أَمْوَالِ النَّاسِ تُرِيدُ أَدَاءَهَا أَوْ إِلَادَقَهَا أَوْ إِلْأَدَقَهَا	عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «مَنْ أَخْذَ أَمْوَالَ النَّاسِ تُرِيدُ أَدَاءَهَا أَدَى اللَّهَ عَنْهُ، وَمَنْ أَخْذَ تُرِيدُ إِلَادَقَهَا إِلَادَقَهَا اللَّهُ»	3.
2388	Bab Ada' al-Dayn	بَابُ أَدَاءِ الدِّينِ	عَنْ أَبِي ذِئْرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - قَالَ: كُنْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَلَمَّا أَصْرَ - يَعْنِي أَخْدَاهُ - قَالَ: «مَا أَحِبُّ أَنَّهُ تَحْوَلَ لِي ذَهَبًا، بِمَكْثَتِ عَيْنِي مِمَّا دَبَّارَ فَوقَ ثَلَاثَةِ، إِلَّا دَبَّارًا أُرْصِدَهُ لِيَتِينِ» فَمَنْ قَالَ: «إِنَّ الْأَخْتِيرَنَّ هُمُ الْأَقْلَوْنَ، إِلَّا مَنْ قَالَ بِالْمَالِ هَكَّدًا وَهَكَّدًا، - وَأَشَارَ أَبُو شَهَابٍ بَيْنَ يَدَيْهِ وَعَنْ يَمِينِهِ وَعَنْ شَمَائِلِهِ - وَقَلِيلٌ مَا هُمْ» ، وَقَالَ: «مَكَانِكَ» ، وَتَقَدَّمَ عَيْرٌ تَعِيدُ فَسِيعَتْ صَوْتًا، فَأَرْدَثَ أَنْ آتَيْهِ، فَمَنْ دَكَرْتُ قَوْلَهُ: «مَكَانِكَ حَتَّى آتَيْكَ» ، فَلَمَّا جَاءَهُ قَوْلُهُ: «يَا رَسُولَ اللَّهِ، الَّذِي سَعَيْتُ دَكَرْتُ قَوْلَهُ: «أَوْ قَالَ: الصَّوْتُ الَّذِي سَعَيْتُ؟ - قَالَ: «وَهَلْ سَعَيْتُ؟؟»، فَلَمَّا قَالَ: «أَتَأْنِي جِرْبِيلَ عَلَيْهِ السَّلَامُ»، قَوْلَهُ: مَنْ مَاتَ مِنْ أَمْيَكَ لَا يُشْرِكُ بِاللَّهِ شَيْئًا دَخْلَ الْجَنَّةَ، فَلَمَّا قَوْلَهُ: «وَإِنْ فَعَلَ كَدَّا وَكَدَّا، قَالَ: «نَعَمْ»	4.
2389	Bab Ada' al-Dayn	بَابُ أَدَاءِ الدِّينِ	قَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «لَوْ كَانَ لِي مِثْلُ أَخْدِ ذَهَبًا مَا يَسْرِي أَنْ لَا يَمْرُ عَلَيَّ ثَلَاثَةَ، وَعِنْدِي مِنْهُ شَيْءٌ إِلَّا شَيْءٌ أُرْصِدَهُ لِدِينِ» رَوَاهُ صَالِحٌ، وَعَقْلَلٌ، عَنِ الْأَمْمَرِيِّ	5.
2390	Bab Istiqrad al-Ibil	بَابُ اسْتِيُّرَاضِ الإِبْلِ	عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَنَّ رَجُلًا ثَاقِبَتِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَلْمَظَ لَهُ فَهُمْ بِأَسْخَابِهِ، قَوْلَهُ: «دَعُوهُ، فَإِنَّ لِصَاحِبِ الْحَقِّ مَقْلَأَ، وَاشْتَوْلَا لَهُ بَعِيرًا فَأَعْطُوهُ إِنَّا، وَقَالُوا: لَا تَجِدُ إِلَّا أَفْضَلَ مِنْ سَيْنَهُ، قَالَ: «اَسْتُوْهُ، فَأَعْطُوهُ إِنَّا، فَإِنَّ خَيْرَكُمْ أَخْسَنُكُمْ قَضَاءً»	6.

<sup>23</sup> Ali Nāyif Biqā'I, *Manāhij al-Muhaddithin al-'Ammah wa al-Khāssah*, (Beirut, Cet. 3, Dār al-Bashā'ir al-Islamiyyah, Beirut, 2011), 1: 117.

7.	<p>عَنْ حَدِيقَةِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: سَعَثَ الرَّبِيعَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: " مَا تَرَجَّلَ، فَقَبِيلَ لَهُ، قَالَ: مَكْثُ أَبْيَاعِ النَّاسِ، فَأَجْتَوْرُ عَنِ الْمُوْسِرِ، وَأَحْفَفُ عَنِ الْمُغْسِرِ، فَغَيْرُ لَهُ "</p>	بابُ حُسْنِ الْقَاضِي	Bab Husn al-Taqadi	2391
8.	<p>عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَنَّ رَجُلًا أَتَى الرَّبِيعَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَقَاضَاهُ بَعْدًا، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «أَعْطُوهُ» ، فَقَالُوا: مَا يُحِبُّ إِلَّا سَيِّئًا أَصْبَلَهُ سَيِّئَةً، فَقَالَ الرَّجُلُ: أَوْيَتِنِي أَوْفَاكَ اللَّهُ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «أَعْطُوهُ، فَإِنَّ مِنْ خِيَارِ النَّاسِ أَخْسَنَهُمْ قَضَاءً»</p>	بابُ هُلْ يُعْصِي أَكْبَرَ مِنْ سَيِّئَةٍ	Bab Hal yu'ta akbar min sinnih	2392
9.	<p>عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: كَانَ لِرَجُلٍ عَلَى الرَّبِيعِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شُرُورٌ مِنَ الْإِلَيْلِ، فَجَاءَهُ يَتَقَاضَاهُ، فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «أَعْطُوهُ» ، فَطَلَّبُوا سَيِّئَةً، فَلَمْ يَجِدُوا لَهُ إِلَّا سَيِّئًا فَوْقَهُ، فَقَالَ: «أَعْطُوهُ» ، فَقَالَ: أَوْيَتِنِي وَقِيلَ إِلَيْهِ بِكَ، قَالَ الرَّبِيعُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِنْ جِيَارَكُمْ أَخْسَنُكُمْ قَضَاءً»</p>	بابُ حُسْنِ الْقَاضِي	Bab Husn al-Qada'	2393
10.	<p>عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: أَتَيْتُ الرَّبِيعَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ فِي الْمَسْجِدِ - قَالَ مَسْعِرٌ: أَرَاهُ قَالَ: حَسْنِي - فَقَالَ: صَلَّى رَبُّكُمْ تَعْتَيْنِي، وَكَانَ إِلَيْهِ ذَنْنٌ، فَقَضَاهُ وَزَادَهُ</p>	بابُ حُسْنِ الْقَاضِي	Bab Husn al-Qada'	2394
11.	<p>أَنَّ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، أَخْرِجَهُ: أَنَّ أَبَاهُ قُتلَ يَوْمَ أَخْدُلْ شَهِيدًا، وَعَلَيْهِ ذَنْبٌ، فَأَشَنَّتِ الْعَرَمَةَ فِي حُمُوتِهِمْ، فَأَتَيْتُ الرَّبِيعَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَسَأَلَهُ أَنْ يَقُولُ لِمَنْ يَهْبِطُ مِنْهُ حَكِيمٌ أَوْ حَلَّةٌ فَهُوَ جَائِزٌ يَقُولُوا لَمَنْ يَهْبِطُ وَيَحْلُّوا لَهُ، فَأَبَوَا، فَلَمْ يَعْطُهُمْ الرَّبِيعُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَاطِبِي، وَقَالَ: «سَعَلُوكُمْ عَلَيْكُمْ» ، فَعَدَا عَلَيْنَا حِينَ أَصْنَعَ، فَطَافَ فِي التَّحْلِيلِ وَدَعَا فِي الْمِرْغَى بِالْمُرْكَبَةِ، فَجَدَهُمْ كُفَّارًا، فَقَنَّعُتُهُمْ، وَنَقَّيَ لَنَا مِنْ تُرْمَهَا</p>	بابُ إِذَا قَضَى ثُوَنْ حَكِيمٌ أَوْ حَلَّةٌ فَهُوَ جَائِزٌ	Bab Idha qada dun haqqihi aw khallahu fa huwa ja'iz	2395
12.	<p>عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، أَخْرِجَهُ: أَنَّ أَبَاهُ ثُوُبَ وَتَرَكَ عَلَيْهِ ثَلَاثَيْنِ وَسَقَاهُ لِرَجُلٍ مِنَ الْمَهْدِ، فَأَسْتَنَطَرَهُ جَابِرٌ، فَأَبَى أَنْ يُنْظِرَهُ، فَكَلَّمَ جَابِرَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِيَسْتَعْفِفَ لَهُ إِلَيْهِ، فَجَاءَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَلَّمَ الْمَهْدِيَ فَلَيَأْخُذْ كُمْ تَحْلِيهِ بِالذِّي لَهُ، فَأَبَى، فَلَدَخَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ التَّحْلِيلَ، فَمَسَّهُ فِيهَا، ثُمَّ قَالَ جَابِرٌ: «جَدَ لَهُ، فَأَوْفَ لَهُ الْأَوْيَ» لَهُ فَجَدَهُ بَعْدَمَا رَجَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَوْفَاهُ ثَلَاثَيْنِ وَسَقَاهُ، وَفَضَلَّتْ لَهُ سَبْعَةُ عَشَرَ وَسَقَاهُ، فَجَاءَ جَابِرَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَسَلَّمَ لِيَسْتَعْفِفَ لَهُ بِالْيَحِيرَةِ بِالْفَضْلِ، فَقَالَ: «أَحَبِرْ ذَلِكَ ابْنَ الْحَطَابِ» ، فَدَهَبَ جَابِرٌ إِلَى عُمَرَ فَأَخْرِجَهُ، فَقَالَ لَهُ عُمَرُ: لَقَدْ عَلِمْتُ جِنَّ مَهْنِي فِيهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَكِبَارَكَنْ فِيهَا</p>	بابُ إِذَا قَاصَ أَوْ حَازَفَ فِي الدَّنْيَنْ مَرَّ بِنَفْرِ أَوْ غَيْرِهِ	Bab Idha qassa aw jazafahu fi al-dayn tamran bi tamr aw ghayrih	2396
13.	<p>أَنَّ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، أَخْرِجَهُ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَنْدُو فِي الصَّلَاةِ وَيَقُولُ: «اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْمَأْمَنِ وَالْمَعْنَمِ» ، فَقَالَ لَهُ قَاتِلُهُ: مَا أَكْبَرَ مَا تَسْتَعِيْدُ يَا رَسُولَ اللَّهِ مِنَ الْمَعْنَمِ؟ قَالَ: «إِنَّ الرَّجُلَ إِذَا غَرَمَ حَدَّثَ فَكَدَّبَ، وَوَعَدَ فَأَخْلَفَ»</p>	بابُ مِنْ اسْتَعَادَ مِنَ الدَّنْيَنْ	Man ista'dha min al-dayn	2397
14.	<p>عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ الرَّبِيعِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «مَنْ تَرَكَ مَالًا فَلَوْرَبِهِ، وَمَنْ تَرَكَ كَلَّا فَإِلَيْنَا»</p>	بابُ الصَّلَاةِ عَلَى مِنْ تَرَكَ دِينًا	Bab al-salaah 'ala man taraka daynan	2398
15.	<p>عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَنَّ الرَّبِيعَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: " مَا مِنْ مُؤْمِنٍ إِلَّا وَأَنَا أَوْلَى بِهِ فِي الدِّينِ وَالْأُخْرَى، أَفْرَغُوا إِنْ شِئُمُونِي {الرَّبِيعُ أَوْلَى بِالْمُؤْمِنِينَ مِنْ نَفْسِهِمْ} [الأَحْرَاب: ٦] فَإِنَّمَا مُؤْمِنٍ يَاتِي وَتَرَكَ مَالًا فَلَوْرَبِهِ عَصَبَتْهُ مَنْ كَانُوا، وَمَنْ تَرَكَ دِينًا أَوْ ضَيَّعَهُ، فَلَيَأْتِيَنِي فَأَنَا مَوْلَاهُ "</p>	بابُ الصَّلَاةِ عَلَى مِنْ تَرَكَ دِينًا	Bab al-salaah 'ala man taraka daynan	2399
16.	<p>عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، يَقُولُ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «مَطْلُ العَيْنِ طَلْمٌ»</p>	بابُ مَطْلُ العَيْنِ طَلْمٌ	Bab Matl al-Ghani Zulm	2400
17.	<p>عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، يَقُولُ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «مَطْلُ لَهُ، فَهُمْ بِهِ أَصْحَابَهُ، فَقَالَ: «دَعْوَهُ فَإِنَّ يَصْحِبَ الْحَقَّ مَقْلَاهُ»</p>	بابُ لِصَاحِبِ الْحَقِّ مَقْلَاهُ	Bab li sahib al-ha maql	2401

<p>18. عن أبي هريرة رضي الله عنه، يقول: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم - أو قال: سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم - يقول: «من أدرك ماله بغيريه عند رحيله أو إنسان - قد أليس فهو أحق به من غيره»</p>	<p>باب: إذا وجد ماله عند ملبي في البيع، والفرض ولodie، فهو أحق به</p>	<p>Bab Idha wajada malahu 'inda mufis fi al-bay' wa al-qard wa al-wadi'ah fa huwa ahaqq bihi</p>	<p>2402</p>
<p>19. عن حابر بن عبد الله رضي الله عنهم، قال: أعنق رحيله ما له عن ذي، فعما الذي صلى الله عليه وسلم: «من يشتريه متى؟»، فأشتراه بعيره بمن عبد الله، فأحدثه، فدفعه إليه</p>	<p>باب: من باع ماله - الملبي - أو المعلم - قسمة بين العرقاء - أو أعطاه - حتى يتفق على نفسه</p>	<p>Bab man ba'a mal al-mufis aw al-mi'dam fa qasamahu bayna al-ghurama'aw a'tahu</p>	<p>2403</p>
<p>20. عن أبي هريرة رضي الله عنه، عن رسول الله صلى الله عليه وسلم: «أنه ذكر رحيله من بي إسرائيل، سأله بعض بي إسرائيل أن يسلفه، فدفعها إليه إلى أجل مسمى»، فذكر الحديث</p>	<p>باب: إذا أقرضه إلى أخيه مسني، أو أخيه في البيع</p>	<p>Bab Idha aqradahu ila ajal musamma aw ajjalahu fi al-bay'</p>	<p>2404</p>
<p>21. عن حابر رضي الله عنه، قال: أحبب عبد الله، وترك عيالاً وديلاً، فطلبث إلى أصحاب الدين أن يضعوا بعضاً من ذيته فأبوا، فأنبت النبي صلى الله عليه وسلم، فاستشغث به عائفهم، فأبوا، فقال: «صنت تمرك كل شيء ومنه على جدته، عذق ابن زيد على جدته، والليل على جدته، والعجوزة على جدته، ثم أخضرتم حاتي آتيك»، ففعلت، ثم جاء صلى الله عليه وسلم فنعته، وكان لكي رجل حتى استوفى، وبقي الشعر كما هو، كأنه لم يمس</p>	<p>باب: الشفاعة في وضع الدين</p>	<p>Bab al-Shafa'ah f wad' al-dayn</p>	<p>2405</p>
<p>22. وغزوه مع النبي صلى الله عليه وسلم على ناصح لئا، فأثرخ الجمل، فتحلف على، فوكبر النبي صلى الله عليه وسلم من خلفه، قال: «بغيبة ولكل ظهوره إلى المدينة»، فلما دنوا استأذن، فلـث: يا رسول الله، لي حديث عهد بغـيـرـيـنـ، قال صلى الله عليه وسلم: «فـمـاـ تـرـوـجـتـ يـتـيـأـ تـعـلـمـيـنـ وـنـوـذـمـنـ، ثـمـ قـالـ: أـتـ أـهـلـكـ»، وترك جواري صغاراً، فتزوجت يتيا تعلمهون ونذهمون، ثم قال: «أـتـ أـهـلـكـ»، فقدرت، فأخبرت خالي بفتح الجمل، فلما نبأني، فأخبرته بإعطاء الجمل، وبإيدي كان من النبي صلى الله عليه وسلم ووكره إياها، فلما قيل النبي صلى الله عليه وسلم عذوت إليه بالجمل، فأعطياني لمن الجمل والجمل، وسهمي مع العرش</p>	<p>باب: الشفاعة في وضع الدين</p>	<p>Bab al-Shafa'ah f wad' al-dayn</p>	<p>2406</p>
<p>23. عن عبد الله بن دينار، قال: سمعت ابن عمر رضي الله عنهم، قال: قال رجل للنبي صلى الله عليه وسلم: لي أخذ في البيع، فقال: إذا بآيت فقل: لا جلابة " فكان الرجل يقوله</p>	<p>باب: ما ينهى عن إضاعة المال</p>	<p>Bab ma yunha 'an ida'ah al-mal</p>	<p>2407</p>
<p>24. عن المغيرة بن شعبة، قال: قال النبي صلى الله عليه وسلم: "إِنَّ اللَّهَ حَرَمَ عَلَيْكُمْ عُطُوقَ الْأَمْهَاتِ، وَوَادَ الْبَاتِ، وَمَنْ وَقَاتَ، وَكَرَهَ لَكُمْ قِيلَ وَقَالَ، وَكَثِرَةُ السُّؤَالِ، وَإِضَاعَةُ الْمَالِ"</p>	<p>باب: ما ينهى عن إضاعة المال</p>	<p>Bab ma yunha 'an ida'ah al-mal</p>	<p>2408</p>
<p>25. عن عبد الله بن عمر رضي الله عنهم، أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: «كُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، فَإِلَامَمْ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ فِي أَهْلِهِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّأْسَةُ فِي بَيْتِ رَوْجَهَا رَاعِيَةٌ وَهِيَ مَسْئُولَةُ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالخَادِمُ فِي مَالِ سَيِّدِهِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ» ، قَالَ: فَسَمِعَتْ هُلَاءَ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَأَحْبَبَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «وَالرَّجُلُ فِي مَالِ أَبِيهِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، فَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ»</p>	<p>باب: العبد راع في ماله سيديه، ولا يغفل إلا ياذنه</p>	<p>Bab al-'Ad bd ra' fi mal sayyidihi wa la ya'mal illa bi idhnihi</p>	<p>2409</p>

Berdasarkan Jadual 1 di atas, beberapa orang sahabat seperti Jabir bin 'Abd Allah, Abu Hurayrah r.a, al-Mughirah bin Shu'bah, 'Abd Allah bin 'Umar dan juga 'Aishah r.a. yang meriwayatkan hadith daripada Rasulullah SAW.

Ibn al-Munayyar pula meringkaskan 20 tarjamah bab dalam Kitab al-Istiqrād wa Ada' al-Duyūn wa al-Hajar wa al-Taflīs kepada enam tarjamah bab sahaja.<sup>24</sup> Jadual 2 di bawah memaparkan tajuk-tajuk tarjumah al-abwāb tersebut.

*Jadual 2: Tarjumah al-Abwāb Ibn al-Munayyar*

Bil.	Matan Hadith	Tajuk Bab	No. Hadith (Asal)
1	عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: غَرَوْثُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «كَيْفَ تَرَى بِعِيرَكَ أَتَيْغَبِيَّة؟» قَالَ: نَعَمْ، فَيَغْتَهِ إِلَيْهِ، فَلَمَّا كَدِيمَ الْمَدِينَةَ، غَرَوْثُ إِلَيْهِ يَأْبَعِيرُ، فَأَغْطَانِي نَمَّةً	بابُ مِنْ اشْرَكَ بِالدِّينِ	2385
2	عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مِنْ أَخْدَى أَمْوَالِ إِلَالَقَهَا النَّاسُ يُرِيدُ أَدَاءَهَا أَدَى اللَّهُ عَنْهُ، وَمَنْ أَخْدَى يُرِيدُ إِلَالَقَهَا أَلْقَهُ اللَّهُ	بابُ مِنْ أَخْدَى أَمْوَالِ النَّاسِ يُرِيدُ أَدَاءَهَا أَوْ إِلَالَقَهَا	2837
3	أَنَّ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، أَخْبَرَ: أَنَّ أَبَاهُ قُتِلَ يَوْمَ أُخْدِي شَهِيدًا، وَعَلَيْهِ دَيْنٌ، فَأَشَدَّ الْمُرْعَاتِيَّ فِي حُمُوقِهِمْ، فَأَتَيْتُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: فَسَلَّمْ أَنْ يَقْبِلُوا مِنْ حَاطِبِي وَخَلِيلِهِ أَبِي، فَأَبَدا، فَلَمْ يُعْلَمْهُمُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَاطِبِي، وَقَالَ: «سَتَعْدُونَ عَلَيْكُمْ»، فَعَدَنَا عَلَيْنَا حِينَ أَصْبَحَ، فَطَافَ فِي النَّحْلِ وَدَعَا فِي مَرْهَا بِالْمُرْكَبَةِ، فَجَاءَهُمْ، فَقَضَيْتُهُمْ، وَتَبَّعَ لَنَا مِنْ مَرْهَا	بابُ: إِذَا قَضَى دُونَ حَقِيقَةِ أَوْ حَكَلَهُ فَهُوَ جَاهِزٌ	2395
4	عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، أَنَّ أَبَاهُ ثُوْبَى وَتَرَكَ عَلَيْهِ ثَلَاثَيْنِ وَسَعْيًا لِرَجْلِ مِنَ الْيَهُودِ، فَاسْتَنْظَرَهُ جَابِرٌ، فَأَبَى أَنْ يُظْرَهُ، فَكَلَمَ جَابِرٌ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِيَشْفَعَ لَهُ إِلَيْهِ، فَجَاءَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَلَمَ الْيَهُودِيَّ لِيَأْخُذَهُ تَحْلِيلَ بِاللَّهِ لَهُ، فَأَبَى، فَنَدَّخَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ النَّحْلَ، فَقَسَّى فِيهَا، ثُمَّ قَالَ لِجَابِرٍ: «خَدَّهُ لَهُ، فَأَوْفِ لَهُ الْأَذِيرَ لَهُ» فَجَاءَهُ بَعْدَمَا رَجَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَوْفَاهُ ثَلَاثَيْنِ وَسَعْيًا، وَقَصَّنَتْ لَهُ سَبْعَةُ عَشَرَ وَسَعْيًا، فَجَاءَ جَابِرٌ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِيَحْبِرَهُ بِاللَّذِي كَانَ، فَوَجَدَهُ مُصَبِّيَ الْحَصَرَ، فَلَمَّا أَنْصَرَفَ أَخْرَجَهُ بِالْحَصَرِ، فَقَالَ: «أَخْبِرْ ذَلِكَ ابْنَ الْحَطَابِ»، فَدَهَبَ جَابِرٌ إِلَى غَمَرَ فَأَخْبَرَهُ، فَقَالَ لَهُ غَمَرٌ: لَقِدْ عَلِمْتُ حِينَ مَشَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِيَبَاكِرَ فِيهَا	بابُ إِذَا قَاصَ أَوْ جَاهِزَ فِي فَهُوَ جَاهِزٌ	2396
5	عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، يَقُولُ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - أَوْ قَالَ: سَعَثُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - يَقُولُ: «مِنْ أَذْرَكَ مَالَهُ يَعْتَيِهِ عِنْ دَرْجَلٍ - أَوْ إِنْسَانٍ - قَدْ أَفْلَسَهُمُ أَحَقُّ بِهِ مِنْ غَيْرِهِ»	بابٌ: إِذَا وَجَدَ مَالَهُ عِنْدَ مُفْلِسٍ	2402
6	عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: أَعْنَقَ رَجُلٌ عَلَامًا لَهُ عَنْ دُبْرٍ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «مَنْ يَشَرِّبِهِ مِنِّي؟» ، فَأَشَرَّهُ عُثِيمٌ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ، فَأَخَذَهُمْ، فَذَاقُهُ إِلَيْهِ	بابُ مِنْ بَاعِ مَالِ الْمُفْلِسِ	2403

## PEMIKIRAN IMAM AL-BUKHĀRĪ BERKAITAN HUTANG

Pemikiran Imam al-Bukhārī berkaitan hutang secara umumnya dapat dilihat berdasarkan susunan *Tarajim Bab* yang terdapat di dalam *Kitāb al-Istiqrād wa Ada' al-Duyūn wa al-Hajar wa al-Taflīs*. Penelitian terhadap *Tarajim Bab* amat penting dalam memahami sesebuah hadith kerana menurut Ibn Hajar, fiqh al-Bukhārī terdapat di dalam *Tarjamah Bab Sahīh al-Bukhārī*.<sup>25</sup>

<sup>24</sup> Nasir al-Din Ahmad bin Muhammad Ibn al-Munayyar al-Iskandari, *Al-Mutawari 'Ala Tarajim Abwāb al-Bukhārī*. Tahqiq Salah al-Din Maqbul Ahmad, (Kuwait, al-Maktabah al-Ma'la, 1987), 226-270.

<sup>25</sup> Ibn Hajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī Bi Sharh Sahīh al-Bukhārī*, ditahqiq oleh Sayyid bin 'Abbas al-Jalimi, (Kaherah: Dar Abi Hayyan, 1996), 1: 13.

Di dalam *Tarjamah Bab*, Imam al-Bukhārī telah memilih, menyusun dan mengasingkan hadith sesuai dengan tajuk Bab.<sup>26</sup> Sekiranya *Tarjamah Bab* hanya dibaca sepintas lalu tanpa menelaah, maka karya Sahīh al-Bukhārī hanya menjadi satu karya kumpulan hadith tanpa mengandungi sebarang hukum fiqh.<sup>27</sup>

Imam al-Bukhārī telah menyusun sebanyak dua puluh bab di dalam *Kitab al-Istiqrād*. Oleh itu, berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap nama yang diberikan pada tajuk utama (Kitab) dan hadith-hadith yang disusun di dalam *Tarjamah Bab*, penulis dapat melihat terdapat **empat** aspek utama berkaitan dengan pemikiran fiqh Imam al-Bukhārī terhadap hutang. Aspek pertama ialah meminta pinjaman atau berhutang, kedua pelunasan hutang, ketiga pembekuan harta dan keempat muflis.

Penulis akan menjelaskan dengan lebih terperinci keempat-empat aspek ini di dalam sub topik yang seterusnya. Namun jika dilihat secara umum, Imam al-Bukhārī telah melakukan ijtihad dalam permasalahan fiqh hutang dengan berdalilkan kepada hadith-hadith yang diriwayatkan. Pada sesetengah bab, Imam al-Bukhārī memulakan dengan ayat al-Quran yang menjelaskan maksud tersirat yang ada di dalam *Tarajim Bab*. Pada setengah bab yang lain pula, beliau memulakan dengan fatwa atau *athar* dari para sahabat dan ada juga yang dimulakan dengan hadith *mu'allaq*.<sup>28</sup>

Imam al-Bukhārī berpendapat bahawa Islam mengharuskan umatnya untuk berhutang.<sup>29</sup> Hukum ini dapat dicungkil melalui *Tarjamah Bab* yang disusun iaitu *Bab Man Ishtarā bi al-Dayn wa Laisa 'Indahū Thamanuh aw Laisa bi Hadratih* (orang yang membeli dengan berhutang kerana tidak memiliki wang atau tidak membawanya). Di dalam bab ini, Imam al-Bukhārī telah meletakkan dua hadith iaitu daripada Jabir dan al-A'mash.

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا ، قَالَ : عَزَوْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : كَيْفَ تَرَى  
بَعِيرَكَ ، أَشْيَعْنِيهِ ؟ قُلْتُ : نَعَمْ ، فَقِعْتُمْ إِلَيْاهُ ، فَلَمَّا قَدِمَ الْمَدِينَةَ غَدُوتُ إِلَيْهِ بِالْبَعِيرِ ، فَأَعْطَانِي ثَمَنَهُ .

Maksud: Dari Jabir bin Abdullah r.a berkata: Aku berperang bersama Nabi SAW dan baginda bertanya: Bagaimana pendapat kamu tentang unta kamu, apakah kamu ingin menjualnya? Aku jawab: Ya. Maka aku menjual kepada baginda. Ketika baginda tiba di Madinah, pagi-pagi lagi aku menemui baginda dengan membawa unta, lalu baginda membayar wang kepadaku.<sup>30</sup>

حَدَّثَنَا الْأَعْمَشُ ، قَالَ : تَدَأْكَرْنَا عِنْدَ إِبْرَاهِيمَ الرَّهْنَ فِي السَّلَمِ ، فَقَالَ : حَدَّثَنِي الْأَسْوَدُ ، عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا ، "أَنَّ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اشْتَرَى طَعَامًا مِنْ يَهُودِيٍّ إِلَى أَجْلٍ ، وَرَفَنَهُ دُرْعًا مِنْ حَدِيدٍ

Maksud: Telah menceritakan kepada kami al-A'mash berkata: Kami pernah saling menceritakan tentang gadai dalam jual beli Salam, maka dia berkata telah menceritakan kepadaku al-Aswad dari 'A'ishah RA bahawa Nabi SAW pernah membeli makanan daripada

<sup>26</sup> Khader Ahmad & Sedek Ariffin, *Pemahaman Imam al-Bukhari Terhadap Hadith Nabi SAW Disihir: Satu Analisis*. Jurnal Hadis, 3(5), (2013), 25-48.

<sup>27</sup> Ishak Suliaman & Mohd Murshidi Mohd Noor, *Fiqh dan Ijtihad Imam al-Bukhari*, (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), 2.

<sup>28</sup> Hadith yang didatangkan tanpa sanad kerana telah disebutkan pada bab sebelumnya dengan sanad yang bersambung.

<sup>29</sup> Ibn Hajar al-'Asqalānī, 6: 488.

<sup>30</sup> Abū 'Abdullāh Muhammad bin Ismā'il, *Al-Jāmi' al-Musnad al-Sahīh al-Mukhtasar min Umūri Rasūlillāh SAW. wa Sunanīhi wa Ayyāmīhi*. Kitāb al-Istiqrād wa Adā' al-Duyūn wa al-Hajr wa al-Taflīs. Bab Man Ishtara bi al-Dayn wa Laisa 'Indahū Thamanuh aw Laisa bi Hadratih. No. 2385, (Jeddah: Dār al-Minhāj, 1429H), 3: 115.

orang Yahudi (yang pembayarannya) secara tertangguh. Lalu baginda menggadaikan baju besi sebagai jaminan.<sup>31</sup>

Maka dapat diperhatikan berdasarkan kedua-kedua hadith di atas bahawa *Tarajim Bab* yang ditetapkan oleh Imam al-Bukhārī merupakan fiqh yang terdapat di dalam hadith. Judul bab itu sendiri memberi gambaran kepada pembaca tentang pemikiran Imam al-Bukhārī berkaitan dengan permasalahan hutang. Perbincangan yang lebih terperinci akan diteruskan di dalam sub topik seterusnya.

## TEMA-TEMA HADITH DALAM KITĀB AL-ISTIQRĀDH

Secara umumnya, Imam al-Bukhārī telah menyatakan keharusan untuk berhutang di dalam Islam. Namun, terdapat 24 hadith yang dimasukkan dalam *Kitab al-Istiqrād* yang turut membincangkan mengenai hutang. Oleh itu, penulis akan membahagikan hadith-hadith tersebut mengikut empat tema utama iaitu pertama berhutang, kedua pelunasan hutang, ketiga pembekuan harta dan keempat muflis.<sup>32</sup> Berdasarkan kepada kitab-kitab syarah, penulis dapat mengeluarkan hukum-hukum, sekaligus mengenal pasti pemikiran Imam al-Bukhārī berkaitan hutang daripada *Tarajim Bab* yang terdapat di dalam *Sahīh al-Bukhārī*.

### 1. Berhutang (al-Istiqrād)

Hadith berkenaan tajuk ini menunjukkan keharusan berurus dengan ahli Dhimmah (kafir yang bukan tentera yang berperang dengan Islam) dan hukum ini membawa erti sabitnya pemilikan barang itu oleh mereka. Ini adalah pandangan Imam al-Shafi'i, Imam Malik, Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad dan seluruh ulama.<sup>33</sup> Hadith ini juga menunjukkan keharusan membeli sesuatu dengan harga tangguh dan menggadaikan sesuatu sebagai cagaran. Ia juga tentang keharusan berurusniaga dengan orang Yahudi dan non muslim secara umum sekalipun ia seorang pengamal riba dan kebanyakan hartanya diperolehi menerusi cara tidak halal.<sup>34</sup>

Seperti yang telah dijelaskan pada sub topik yang lalu, Imam al-Bukhārī berpandangan bahawa berhutang adalah diharuskan di dalam Islam berdasarkan perbuatan Nabi SAW yang menangguhkan pembayaran di dalam urusan pembelian unta daripada Jabir bin Abdullah r.a. dan Rasulullah SAW juga pernah menangguhkan bayaran ketika membeli makanan daripada seorang Yahudi yang bernama Abu al-Shahm<sup>35</sup> dengan menggadaikan baju besi baginda.

Ibn Hajar memetik pendapat Ibn al-Munayyir yang menyatakan bahawa berhutang adalah dibenarkan jika pada waktu tersebut benar-benar tidak mempunyai wang. Namun jika seseorang itu mempunyai wang, tidak diharuskan berhutang. Hal ini adalah kerana baginda terkenal sebagai seorang yang akan segera menunaikan apa yang wajib ditunaikan. Seandainya

<sup>31</sup> *Ibid*, No. 2386, 3: 115.

<sup>32</sup> Ibn al-Munayyir meringkaskan hadith-hadith dalam *Kitab al-Istiqrād* kepada enam tema atau bab dan juga enam hadith sahaja daripada 24 buah hadith. Lihat Ibn al-Munayyir, Nasīr al-Dīn Ahmad bin Muhammad, *Al-Mutawāri 'alā Tarājim Abwāb al-Bukhārī*, tahqiq Salah al-Din Maqbul bin Ahmad, (Kuwait, Maktabah al-Ma'la, 1987), 266-271.

<sup>33</sup> Abu Zakariyya Muhy al-Din bin Yahya bin Sharf al-Nawawi, *al-Minhaj Sharh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*, (Beirut, Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, cet. 2, 1392H), 11: 40.

<sup>34</sup> Abu Yahya Zakariyya al-Ansari al-Misri al-Shafi'i, *Minhah al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*, ed. Sulayman bin Dari' al-'Azami, (Riyad, Maktabah al-Rushd Nashirun, (1426H/2005), 4: 500.

<sup>35</sup> Badr al-Dīn Abī Muhammad Mahmud bin Ahmad al-'Aini, *'Umdah al-Qāri Sharh Sahīh al-Bukhārī*, (Beirut, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001), 12: 317.

sewaktu membeli makanan itu baginda mempunyai wang, maka baginda tidak akan menundakan pembayaran.<sup>36</sup>

Walaupun berhutang diharuskan di dalam Islam, namun ia juga akan memberi kesan yang buruk kepada umat Islam jika ia tidak diuruskan dengan bijak. Maka dengan itu Imam al-Bukhārī turut memuatkan bab orang yang meminta perlindungan dari lilitan hutang. Di dalam bab ini, Rasulullah SAW mengajarkan satu doa supaya terlepas dari hutang yang diamalkan setiap kali selepas solat iaitu (اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْمَأْمُمِ وَالْمَعْرُمِ) (*Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepadamu dari dosa dan hutang*). Imam al-Bukhārī menyebutkan perkara ini dalam satu bab khusus kerana ingin menjelaskan bahawa antara perbuatan berhutang dan berdoa supaya dijauhkan hutang adalah perbuatan yang tidak bertentangan. Hal ini adalah kerana perlindungan yang diminta hanya lah daripada akibat buruk berhutang. Kaedah ini dipanggil *Sadd al-Dhara'i* (menutup pintu menuju kerosakan).<sup>37</sup>

Diikuti dengan bab seterusnya ialah ‘mensolatkan orang yang meninggal dunia dan masih memiliki hutang’. Apa yang dapat diperhatikan di sini ialah isu orang yang meninggal dunia dalam keadaan berhutang. Ibn al-Munayyir menyebut Imam al-Bukhārī menetapkan judul bab ini dengan bermaksud hutang tidak akan mencacatkan agama seorang muslim. Dia boleh disolatkan sebagaimana jenazah yang lain. Tidak ada sebarang percanggahan di antara keharusan berhutang dan memohon perlindungan daripada hutang. Hal ini kerana maksud berlindung daripada berhutang itu adalah berlindung daripada kesan buruk jika hutang tidak diuruskan dengan baik.<sup>38</sup>

Di dalam tema yang pertama ini, hanya 5 hadith yang terlibat daripada 24 hadith keseluruhannya.

## 2. Pelunasan Hutang (Adā' al-Duyūn)

Tema yang kedua ini mempunyai perbahasan yang paling panjang berbanding tiga tema yang lain. Ini menunjukkan urusan pelunasan hutang merupakan perkara yang paling penting di dalam *Kitab al-Istiqrād* sekaligus dapat melihat pemikiran Imam al-Bukhārī berkaitan dengan hutang. Penulis membahagikan beberapa sub topik dalam memahami lebih terperinci pemikiran Imam al-Bukhārī berkaitan dengan hutang.

### 2.1 Berniat untuk membayar hutang

Hadith إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَاتِ sangat popular dalam kalangan masyarakat pelbagai lapisan. Setiap perkara yang dilakukan mesti didahului dengan niat, tidak terkecuali juga dalam urusan hutang. Ketika ingin meminjam atau berhutang, hendaklah disertakan dengan niat untuk membayar kembali. Maka dengan itu, Allah akan membantu dengan cara dibukakan pintu rezeki baginya. Imam al-Bukhārī melalui bab ‘Sesiapa mengambil harta orang dengan maksud membayar atau membinasakannya’ menjelaskan bahawa jika seseorang meminjam tanpa berniat untuk memulangkan kembali akan mendapat bala daripada Allah SWT sama ada terhadap hartanya atau dirinya. Manakala sebahagian ulama yang lain berpendapat kebinasaan yang dimaksudkan adalah azab akhirat.<sup>39</sup> Jika dilihat dari segi zahirnya, orang yang tidak

<sup>36</sup> Ibn Hajar al-'Asqalānī, 6: 488.

<sup>37</sup> *Ibid.* 6: 499.

<sup>38</sup> Ibn al-Munayyir, 271.

<sup>39</sup> Ibn Hajar al-'Asqalānī, 6:488.

membayar hutang adalah orang yang untung kerana tidak perlu membelanjakan hartanya. Namun pada hakikat, dia tergolong dalam kalangan rugi kerana akan diazab di akhirat kelak.<sup>40</sup>

Bab ini menonjolkan nilai motivasi untuk memperbaiki niat dalam melakukan sesuatu kerana niat merupakan kayu ukur kepada setiap amal perbuatan tersebut. Ibn Hajar juga menukil kata-kata Ibn Battal yang berpendapat hadith ini mengandungi anjuran untuk tidak mengambil harta orang dan motivasi untuk membayar hutang dengan cara yang baik.<sup>41</sup>

Bagi menyokong perkara berkaitan pelunasan hutang ini, Imam al-Bukhāri mendatangkan ayat al-Quran daripada surah al-Nisa' ayat 58 yang bermaksud “*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya*”. Menurut Ibn al-Munayyir, Imam al-Bukhāri mengkategorikan hutang sebagai amanah kerana adanya perintah untuk menunaikannya sepetimana amanah-amanah lain yang wajib ditunaikan. Amanah yang ditafsirkan di dalam ayat ini adalah perintah dan larangan. Riwayat dari Ibn ‘Abbas menyatakan bahawa ayat tersebut bersifat umum dan merangkumi segala bentuk amanah.<sup>42</sup>

## 2.2 Melunaskan hutang dengan cara yang baik

Bersikap baik ketika melunaskan hutang amat dituntut dalam Islam. Rasulullah SAW sendiri melayan orang yang datang menuntut hutang dengan baik walaupun orang tersebut telah berkasar dengannya. Sebagaimana kisah seorang lelaki dengan kasar datang menuntut hutang (unta). Maka Rasulullah SAW memerintahkan sahabat membayar dengan unta yang lebih baik iaitu yang lebih tua<sup>43</sup> kerana para sahabat tidak berjaya mendapatkan unta yang sama umur dengan unta yang dihutangkan oleh Nabi SAW daripada lelaki tersebut. Hal ini diharuskan dalam urusan pelunasan hutang, asalkan tidak ada sebarang syarat tertentu yang ditetapkan ketika berlaku akad (berhutang). Jika tidak, ia akan dikira sebagai riba.

Terdapat beberapa ciri pelunasan hutang dengan cara yang baik dan salah satunya adalah melunaskan hutang dengan kadar segera jika mempunyai kemampuan. Jika berlaku penangguhan yang disengajakan, ia termasuk dalam kalangan orang yang zalim kerana Rasulullah SAW telah mengkategorikan orang yang sengaja menangguhkan pembayaran hutang sedangkan mempunyai kemampuan adalah orang yang zalim.<sup>44</sup>

Ciri-ciri seterusnya ialah menghormati pembiutang sebagai seorang yang mempunyai hak ke atas harta orang yang berhutang dengan mendapatkan persetujuan pembiutang jika ingin melakukan sebarang perubahan. Misalnya seseorang itu tidak mampu untuk membayar hutang dengan jumlah sebenar, maka boleh memohon untuk membayar separuh dari jumlah.

Dalil ini diambil dari kisah Jabir bin Abdullah r.a yang kematian bapa di dalam perang Uhud. Bapanya telah meninggalkan hutang yang banyak. Maka Nabi SAW sendiri telah memohon persetujuan pihak pembiutang untuk menerima hasil kebun seadanya dan menghalalkan jumlah selebihnya. Malangnya pihak pembiutang tidak bersetuju. Perkara yang hendak digariskan adalah perbuatan meminta kurang jumlah hutang dan meminta halal adalah dibolehkan. Hadith ini diulang beberapa kali di dalam *Kitab al-Istiqrād*. Begitu juga dengan kes membayar hutang tanpa mengira jumlah sama ada mencukupi atau tidak. Jika mendapat persetujuan daripada pembiutang, maka ia dibolehkan. Berbeza dengan urusan menjual beli, ia diharamkan kerana dalam jual beli jika barangnya tidak cukup dikira menipu.<sup>45</sup>

<sup>40</sup> Badr al-Dīn Abī Muhammad Mahmud bin Ahmad al-‘Aini, 12: 317

<sup>41</sup> Ibn Hajar al-‘Asqalānī, 6: 489.

<sup>42</sup> *Ibid*, 6: 491.

<sup>43</sup> Abū ‘Abdullāh Muhammad bin Ismā’īl, no. 2390, 3: 116

<sup>44</sup> Ibn Hajar al-‘Asqalānī, 6: 501.

<sup>45</sup> *Ibid*, 6: 497.

### 2.3 Penundaan dalam urusan pelunasan hutang

Imam al-Bukhāri telah memuatkan beberapa hadith yang membincarkan perihal penundaan dalam urusan membayar hutang. Menurutnya, bagi penghutang yang sengaja menunda-nunda pembayaran sedangkan dia seorang yang mempunyai kemampuan, dia dikategorikan sebagai seorang yang zalim. Maka pemutang mempunyai hak untuk mencela penghutang yang sebegini dan boleh menahan atau memenjarakannya. Hal ini bertujuan untuk memberi tekanan dan pengajaran kepada penghutang tersebut.

Perkara ini dirakam dalam bab *لصاحب الحق مقال* (pemilik hak memiliki hak untuk berbicara). Imam al-Bukhāri telah memulakan bab ini dengan mendatangkan hadith mu'allaq terlebih dahulu kerana dalam hadith tersebut terdapat pentafsiran perkataan *maqal* (hak untuk berbicara) yang bermaksud mempunyai hak untuk mencela dan menghukum.<sup>46</sup> Terdapat dua pandangan yang mentafsirkan maksud mencela. Sufyan mentafsirkan mencela bermaksud menyakiti penghutang dengan lisan, manakala Waki' dalam riwayatnya berkata maksud mencela adalah aib. Namun, kedua-dua riwayat ini bersetuju untuk mentafsirkan hukuman adalah tahanan atau penjara.<sup>47</sup>

Berbeza pula kepada penghutang yang memang berada dalam keadaan yang susah, maka dia tidak perlu dipenjarakan. Malah penghutang tersebut dibolehkan untuk meminta tempoh pelunasan hutang dilanjutkan. Kes sebegini tidak termasuk dalam kategori menunda-nunda pembayaran hutang sebagaimana yang dijelaskan di atas. Selain daripada memohon sendiri untuk dilewatkan membayar hutang, penghutang dibolehkan untuk meminta syafaat atau pertolongan orang untuk menjelaskan hutang dan minta pengurangan hutang daripada pemutang.<sup>48</sup>

Berkenaan isu penetapan tempoh tertentu dalam urusan pelunasan hutang juga telah dibincangkan oleh Imam-imam mazhab. Majoriti daripada mereka membolehkan urusan membayar hutang dalam tempoh tertentu. Begitu juga halnya dalam isu melewatkkan pembayaran hutang dan membayar dengan nilai yang lebih baik. Hal ini dipersetujui oleh majoriti ulama selagi mana ia tidak dinyatakan sebagai syarat ketika akad. Jika diletakkan syarat apabila penghutang membayar lewat daripada waktu yang ditetapkan perlu membayar dengan nilai yang lebih banyak, ini dikira sebagai riba.<sup>49</sup>

### 3. Pembekuan Harta (al-Hajr)

Al-Hajr dari segi bahasa bermaksud larangan, manakala dari segi istilah syariat pula bermaksud larangan untuk membelanjakan harta atau pembekuan harta. Pembekuan harta (al-Hajr) akan dilaksanakan kepada orang yang tidak bijak dalam menguruskan harta atau mempersiakan harta. Jumhur ulama membolehkan untuk melakukan pembekuan harta, namun Abu Hanifah dan sebahagian ulama mazhab Zahiri tidak bersetuju. Di antara salah satu perkara yang boleh menyebabkan harta dibeku adalah muflis.

Menurut jumhur ulama, mempersia-siakan harta bermaksud tidak membuat perhitungan dalam membelanjakan harta yang dimiliki. Manakala Sa'id bin Jubair berpendapat yang dimaksudkan adalah orang yang membelanjakan harta untuk perkara-perkara yang

<sup>46</sup> *Ibid*, 6: 502.

<sup>47</sup> Ibn Hajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī Bi Sharh Sahīh al-Bukhāri*. (Kaherah, Maktabah al-Salafiyyah, edit. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi dan Muhib al-Din al-Khatib, 1996), 5: 62.

<sup>48</sup> Ibn Hajar al-'Asqalānī, 6: 510.

<sup>49</sup> Asmadi Mohamed Naim, Sistem Gadaian Islam, *Jurnal Islamiyyat*, (2004) 26(2): 39-57.

haram.<sup>50</sup> Sebagaimana firman Allah SWT yang menyebut tentang larangan menyerahkan harta kepada orang yang tidak pandai menguruskannya di dalam surah al-Nisa, ayat 5.

وَلَا تُؤْتُوا الْسُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيمًا وَأَرْقُوهُمْ فِيهَا وَأَكْسُوهُمْ وَقُولُوا هُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا

Maksud: *Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu, (harta) yang Allah telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu dan berilah mereka belanja dan pakaian dari pendapatan hartanya (yang kamu niagakan), dan juga berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik.*<sup>51</sup>

Imam al-Bukhāri menyatakan tentang pembekuan harta bagi orang yang tidak pandai mengurus harta melalui bab *ما ينهى عن إضاعة المال* (larangan mempersiakan harta) dengan hanya memuatkan dua hadith daripada Ibn ‘Umar dan al-Mughirah bin Shu’bah. Beliau memulakan bab dengan mendatangkan ayat al-Quran tentang Allah SWT membenci orang yang melakukan kerosakan dan orang yang tidak pandai menguruskan harta ke jalan yang benar, diikuti dengan maksud al-Hajr yang ditujukan kepada orang yang tidak menguruskan harta dengan baik.

#### 4. Muflis (al-Taflis)

Menurut *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, muflis bermaksud keadaan seseorang yang tidak mampu untuk membayar hutang.<sup>52</sup> Manakala menurut syariat pula orang yang muflis adalah orang yang mempunyai hutang melebihi daripada aset yang dimiliki olehnya.<sup>53</sup> Tidak ada sebarang percanggahan di antara kedua-dua maksud tersebut.

Imam al-Bukhāri menetapkan satu bab khusus berkaitan dengan muflis dan beliau memulakan bab dengan menyebut athar daripada al-Hasan yang menyatakan tidak sah transaksi yang dilakukan oleh orang yang muflis. Pandangan ni yang dipegang oleh Iman al-Shafi’i, beliau menyatakan urusan jual beli orang yang muflis harus dibekukan.<sup>54</sup>

Apabila seseorang itu berada dalam keadaan muflis, maka para pembiutang lebih berhak ke atas harta yang masih dimiliki oleh penghutang jika ia masih dalam keadaan yang sama ketika dipinjam atau dibeli dengan hutang. Namun, jika harta tersebut telah berubah bentuk dari segi zat atau nilai, maka ia harus dibahagikan sama rata di antara para pembiutang.<sup>55</sup> Di sini timbul persoalan, adakah sama keadaannya bagi orang meninggal dunia yang mempunyai hutang?

Para ulama berselisih pendapat berkaitan hal ini. Ada yang membezakan antara meninggal dunia meninggalkan hutang dan muflis. Imam Shafi’i berpendapat hukum keduanya adalah sama. Jika penghutang meninggal dunia, para pembiutang sama-sama mempunyai hak terhadap harta yang ditinggalkan. Imam Shafi’i berdalilkan kepada hadith yang diriwatkan oleh Abu Hurairah r.a. yang bermaksud: Rasulullah SAW memutuskan sesiapa sahaja yang meninggal dunia atau muflis, maka pemilik barang lebih berhak terhadap barangnya apabila dia mendapati barang tersebut dalam keadaan utuh. Berlainan pula dengan Imam Malik dan Imam Ahmad yang membezakan antara muflis dan meninggal dunia.<sup>56</sup>

<sup>50</sup> Ibn Hajar al-‘Asqalānī, 6: 512.

<sup>51</sup> Al-Quran, Surah al-Nisa’ 4:5.

<sup>52</sup> *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 902.

<sup>53</sup> Ibn Hajar al-‘Asqalānī, 6: 503.

<sup>54</sup> Ibn Hajar al-‘Asqalānī, ed. Muhammad Fu’ad ‘Abd al-Baqi dan Muhib al-Din al-Khatib, 5: 63.

<sup>55</sup> Ibn Hajar al-‘Asqalānī, 6: 504.

<sup>56</sup> *Ibid*, 6: 506.

Walau bagaimanapun, jumhur ulama sepakat menyatakan bahawa semua aset yang dimiliki oleh orang yang muflis akan dibekukan. Aset tersebut akan dijual dan dibahagikan kepada para pemutang. Namun ulama mazhab Hanafi menyanggah pendapat tersebut dengan berdalikan kepada hadith Jabir bin Abdullah yang tidak menjual kebun kurma untuk membayar hutang ayahnya. Walhal hadith ini tidak sesuai untuk dijadikan hujah berkaitan isu ini.<sup>57</sup>

## ANALISIS PEMIKIRAN AL-BUKHĀRĪ

Analisis pemikiran Imam al-Bukhārī di dalam Sahihnya dapat dijana berdasarkan pemerhatian kepada tajuk-tajuk bab yang telah ditetapkan. Setelah menempuh perbincangan yang panjang berkenaan dengan pemikiran beliau berkaitan hutang, maka penulis dapat merumuskan empat tema utama yang ditekankan oleh Imam al-Bukhārī. Kesemua tema mempunyai kaitan di antara satu sama lain.

**Pertama:** Imam al-Bukhārī mengemukakan beberapa hadith di bawah beberapa bab yang berlainan dengan satu tema yang sama. Iaitu tema meminta pinjaman atau berhutang (*al-Istiqrād*). Di dalam tema ini hanya lima hadith yang terlibat iaitu hadith bernombor 2385, 2386, 2397, 2398 dan 2399.<sup>58</sup> Beliau memulakan dengan menyatakan hukum berhutang bagi orang Islam adalah harus. Namun, tidak digalakkan untuk berhutang tanpa ada keperluan. Sehinggakan Nabi SAW mengajarkan umatnya untuk mengamalkan doa berlindung daripada hutang setiap kali selepas solat. Kemudian Imam al-Bukhārī mendatangkan pula keadaan jenazah yang masih mempunyai hutang boleh disolatkan kerana hutang tidak mencacatkan agamanya sebagai seorang Muslim. Susunan bab yang ditetapkan oleh Imam al-Bukhārī sangat cantik sekali gus menjelaskan pemikirannya berkaitan hutang dan fiqh yang terkandung di dalamnya.

**Kedua:** Setelah menjelaskan perihal berhutang, Imam al-Bukhārī mengemukakan pula isu berkaitan dengan urusan pelunasan hutang. Berdasarkan kepada 15 hadith yang dikemukakan, penulis dapat membahagikan kepada tiga sub tema iaitu:

1. Ketika berlaku akad meminjam, penghutang mempunyai niat untuk membayar kembali nilai yang dipinjam.
2. Melunaskan hutang dengan cara yang baik.
3. Penundaan dalam urusan pelunasan hutang.

Merujuk kepada ketiga-tiga sub tema ini, penulis dapat memahami pemikiran Imam al-Bukhari yang sangat jelas dengan isu ini. Pelunasan hutang adalah satu tema yang mempunyai perbahasan yang panjang berbanding tema-tema yang lain. Hal ini menunjukkan kepada pemikiran Imam al-Bukhārī yang ingin menyatakan membayar hutang adalah perkara yang amat penting di sisi agama Islam. Di antara hadith yang terlibat ialah 2387, 2388, 2389, 2390, 2391, 2392, 2393, 2394, 2395, 2396, 2400, 2401, 2404, 2405 dan 2406.

**Ketiga:** Jumlah hutang yang banyak dan melebihi daripada aset yang ada akan menyebabkan seseorang itu jatuh muflis. Muflis adalah salah satu tema utama yang dibawakan oleh Imam al-Bukhārī. Hanya satu hadith yang terlibat dalam menjelaskan isu muflis iaitu hadith 2402. Tema

<sup>57</sup> Abu al-Hasan ‘Ali bin Khalaf bin ‘Abd al-Malik Ibn Battal, *Sharh Sahih al-Bukhari Ibn Battal*, Tahqiq Abu Tamim Yasir bin Ibrahim, cet. 2, (Riyad, Maktabah al-Rushd, 2003), 6: 524.

<sup>58</sup> Abū ‘Abdullāh Muhammad bin Ismā‘il al-Bukhārī, 3: 115-120.

ini dapat difahami dengan mudah berdasarkan athar daripada sahabat yang didatangkan di awal bab. Sa'id al-Musayyab berkata: Uthman telah memutuskan kepada sesiapa yang menuntut hutangnya sebelum penghutang jatuh muflis, maka harta milik penghutang akan menjadi milik orang yang menuntut dan bagi sesiapa yang mengenali barangnya, dia lebih berhak terhadap barang tersebut.

Jelas di situ isu yang ingin dibentangkan oleh Imam al-Bukhārī. Beliau ingin menjelaskan bahawa baki harta yang dimiliki oleh penghutang yang muflis seharusnya dibahagi-bahagikan kepada pihak pembiutang mengikut nilai masing-masing kerana mereka lebih berhak ke atas harta tersebut. Malahan, jika harta tersebut masih dalam keadaan yang sama sewaktu dipinjam atau dibeli dengan hutang, maka pemilik harta tersebut adalah orang yang paling berhak ke atasnya.

**Keempat:** Pembekuan harta akan dilaksanakan terhadap orang yang tidak bijak dalam menguruskan harta dan salah satu contoh yang tergolong dalam kalangan ini ialah orang yang muflis. Dalam konteks semasa hari ini, pihak bank selaku institusi utama pembiayaan kepada masyarakat akan membekukan harta orang yang muflis dan akan menjual harta tersebut. Kemudian jumlah yang ada akan dibahagikan kepada para pembiutang mengikut nilai yang dipinjam oleh penghutang atau pemilik aset. Pemikiran Imam al-Bukhārī berkaitan isu ini seiring dengan pandangan jumhur ulama dan beliau telah mengemukakan dua hadith yang menjadi dalil kepada tindakan bank untuk membekukan harta orang yang muflis iaitu hadith bernombor 2407 dan 2408.

## KESIMPULAN

Merujuk kepada keseluruhan perbincangan di atas, jelas menunjukkan pemikiran Imam al-Bukhārī berkaitan dengan hutang. Beliau bukan hanya menjelaskan konsep hutang, malah juga perkara-perkara lain yang terlibat dengan hutang seperti pelunasan hutang, muflis dan pembekuan harta. Kesemua perkara ini dikemukakan dalam susunan yang sangat jelas melalui judul-judul bab dalam *Tarjamah Bāb*. Justeru, terbuktilah kata-kata ulama' yang menyebut bahawa fiqh Imam al-Bukhārī dapat difahami melalui penentuan bab dalam *Kitāb*. Ia dikuatkan lagi dengan pengiktirafan oleh al-Hakim al-Naisaburi yang menyebut bahawa Imam al-Bukhārī antara ahli hadith yang menguasai *fiqh al-hadith*.<sup>59</sup>

Perbincangan dimulakan dengan konsep dan hukum hutang di dalam Islam. Sememangnya hutang adalah diharuskan, namun tidak digalakkkan jika tanpa keperluan. Diikuti dengan cara pelunasan hutang dan hal-hal yang berkaitan dengannya. Akhirnya Imam al-Bukhārī ada menjelaskan cara menguruskan harta orang yang muflis iaitu dengan cara pembekuan harta yang kemudiannya dijual dan dibahagikan kepada para pembiutang dengan nilai masing-masing.

Tegasnya, dapatlah disimpulkan bahawa sememangnya ada signifikan yang tersendiri setiap susunan *Kitāb* dan *Tarjamah Bab* yang dihasilkan oleh Imam al-Bukhārī. Setiap judul bab yang diberikan mempunyai kaitan di antara satu sama lain dan *fiqh al-hadith* dapat dicungkil bagi mereka yang memerhatikan dan menelaah bab-bab yang disusun oleh Imam al-Bukhārī.

<sup>59</sup> Ishak Sulaiman & Mohd Murshidi Mohd Noor, *Fiqh dan Ijtihad Imam al-Bukhari*. (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), 3.

## RUJUKAN

Al-Qurān al-Karīm

‘Abd al-Majid Mahmud, *Al-Ittijāhāt al-Fiqhiyyah ‘ind al-Muhaddithīn fi Qarn Thalith.*

Kaherah: Maktabah al-Khāniji. t.t.

Abdussattar, *Biografi Gemilang Imam Bukhari*. Selangor: Jasmin Publication. 2011.

Abu Zakariyya Muhy al-Din bin Yahya bin Sharf al-Nawawi, *al-Minhaj Sharh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*, Beirut, Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, cet. 2, 1392H.

Abu Yahya Zakariyya al-Ansari al-Misri al-Shafi’i, *Minhah al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*, ed. Sulayman bin Dari’ al-‘Azami, Riyad, Maktabah al-Rushd Nashirun, 1426H/2005.

‘Ali Nāyif Biqā’i, *Manāhij al-Muhaddithīn al-‘Ammah wa al-Khāssah*. Beirut: Dār al-Bashāir al-Islamiyyah, 2011.

‘Alī Juma’ah, 2006. *Al-Imām al-Bukhārī wa Jamī’uhu al-Sahīh*. Mesir: Dār al-Farūq li al-Istithmār Thaqāfiyyah, 2006.

Al-Bukhārī, Abū ‘Abdullāh Muhammad bin Ismā’īl, *Al-Jāmi’ al-Musnad al-Sahīh al-Mukhtasar min Umūri Rasūllillāh SAW wa Sunanīhi wa Ayyāmīhi*. Jeddah: Dār al-Minhāj, 1429H.

Asmadi Mohamed Naim, Sistem Gadaian Islam, *Jurnal Islamiyyat*, 2004.

Badr al-Dīn Abī Muhammad Mahmud bin Ahmad al-‘Aini, *‘Umdah al-Qāri Sharh Sahīh al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001.

Khader Ahmad & Sedek Ariffin, Pemahaman Imam al-Bukhari Terhadap Hadith Nabi SAW Disihir: Satu Analisis. *Jurnal Hadis*, 3(5), 25-48. 2013.

Ibn Battal, Abu al-Hasan ‘Ali bin Khalaf bin ‘Abd al-Malik. *Sharh Sahīh al-Bukhari Ibn Battal*. Tahqiq Abu Tamim Yasir bin Ibrahim. cet. 2, Riyad: Maktabah al-Rushd, 2003

Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Bi Sharh Sahīh al-Bukhārī*, ditahqiq oleh Sayid bin ‘Abbas al-Jalimi. Kaherah: Dar Abi Hayyan. 1996.

Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Bi Sharh Sahīh al-Bukhārī*. Kaherah, Maktabah al-Salafiyyah, edit. Muhammad Fu’ad ‘Abd al-Baqi dan Muhib al-Din al-Khatib, 1996.

Ibn al-Munayyir, Nasīr al-Dīn Ahmad bin Muhammad, *Al-Mutawāri ‘alā Tarājim Abwāb al-Bukhārī*, Tahqiq Salah al-Din Maqbul bin Ahmad. Kuwait: Maktabah al-Ma’la, 1987.

Ishak Suliaman & Mohd Murshidi Mohd Noor. *Fiqh dan Ijtihad Imam al-Bukhari*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.

Rif’at Fauzi ‘Abd al-Muttallib, *Al-Madkhal Ilā Manāhij al-Muhaddithīn*. Kaherah: Dār al-Salām. 2011.

Sayyid ‘Abd al-Majid al-Ghauri. *Al-Wajīz fi Ta’rīf Kutub al-Hadīth*. Damsyik: Dār Ibn Kathīr, 2009.

Shams al-Dīn Abu Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthman bin Qaymaz al-Dhahabi, *Siyar A’lam al-Nubala*, tahqiq Shu’ab al-Arnā’ut, Beirut, cet. 3, Mu’asassah al-Risalah, 1985.

Syihabudin Ahmad, *Lateral al-Bukhari*. Selangor: Must Read Sdn. Bhd, 2012.

Yāsir al-Shamāli, *Al-Wādih fi Manāhij al-Muhaddithīn*. ‘Amman: Dār al-Hāmad, 2006.